



Pengurusan Aset Air (Reg. No. 200601012793 (732544-D))

## KENYATAAN TENDER

**Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB)**, ialah sebuah syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan. Tanggungjawab utama PAAB adalah untuk membangunkan infrastruktur air di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan selaras dengan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655).

Selaras dengan tanggungjawab tersebut, PAAB ingin mempelawa firma-firma perunding tempatan yang mempunyai pengalaman dan kemahiran yang bersesuaian untuk menyertai perkhidmatan perunding berikut:

NOMBOR TENDER	BUTIR-BUTIR TENDER	JENIS SYARIKAT TEMPATAN	SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN	SYARAT UTAMA TENDER	TEMPOH PEMBELIAN DOKUMEN TENDER	HARGA DOKUMEN TENDER	TARIKH DAN WAKTU TUTUP
PAAB/ P002/EC/ 01/24	PERKHIDMATAN PERUNDING KEJURUTERAAN UNTUK CADANGAN PEMBINAAN LOJI RAWATAN AIR SG. PERAI, SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG.	Syarikat Sdn Bhd atau Syarikat Diperbadankan di Malaysia	Kementerian Kewangan Kod Bidang 330101 (Kejuruteraan Awam), 330103 (Kejuruteraan Elektrik) dan 330104 (Kejuruteraan Mekanikal) dan Lembaga Jurutera Malaysia (Awam, Elektrikal dan Mekanikal) dan Orang Yang Berkelayakan diiktiraf oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Firma telah beroperasi sekurang-kurangnya 5 tahun;</li><li>2. Firma mempunyai sekurang-kurangnya empat (4) orang Jurutera Professional dengan perakuan amalan terdiri daripada dua (2) Awam, satu (1) Elektrikal dan satu (1) Mekanikal dengan pengalaman minima selama sepuluh (10) tahun dalam rekabentuk projek loji rawatan air;</li><li>3. Firma pernah melaksanakan rekabentuk dan penyeliaan projek loji rawatan air dengan minima kapasiti 50 JLH dalam tempoh 15 tahun terkini; dan</li><li>4. Usahasama (JV) hanya dibenarkan di antara dua (2) firma Perunding Tempatan dengan Perunding Utama diwajibkan mempunyai Kod Bidang 330101 (Kejuruteraan Awam) manakala syarat Kod Bidang 330103 (Kejuruteraan Elektrik) dan 330104 (Kejuruteraan Mekanikal) boleh dipenuhi oleh Perunding Utama atau Rakan Kongsi.</li></ol>	Tarikh: <b>22 November 2024 (Jumaat)</b> Sehingga <b>5 Disember 2024 (Khamis)</b> Masa : <b>8.30 pagi hingga 5.00 petang</b>  Borang permohonan pembelian tender boleh di dapati di laman sesawang <a href="http://www.paab.my/tender/">www.paab.my/tender/</a>	RM600.00  Dokumen Meja Tender dipamerkan mulai <b>22 November 2024 (Jumaat)</b>	<b>17 Disember 2024 (Selasa)</b>  Pada atau sebelum <b>12.00</b> tengahari  <b>KOTAK TENDER A</b> Tingkat 20, Menara FELDA, Platinum Park, No.11, Persiaran KLCC, 50088 Kuala Lumpur

1. Bayaran Dokumen Tender boleh dibuat secara 'Electronic Fund Transfer' (EFT) di atas nama **Pengurusan Aset Air Berhad**. Hanya Petender yang layak akan menerima e-mel untuk membuat pembayaran secara atas talian. Bayaran ini tidak akan dikembalikan dan pembayaran secara tunai tidak akan diterima.
2. Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada wakil pemohon yang mengemukakan surat kuasa bersama dengan lesen / sijil pendaftaran **ASAL atau SALINAN YANG DISAHKAN**. Sesalinan sijil-sijil ini perlu dikemukakan untuk simpanan PAAB (tidak dikembalikan).
3. Dokumen Tender boleh didapati bermula pada tarikh yang dinyatakan di atas pada waktu pejabat di alamat berikut:

### URUS SETIA TENDER

**PENGURUSAN ASET AIR BERHAD (Reg. No. 200601012793 (732544-D))**

Tingkat 20, Menara FELDA, Platinum Park, No.11, Persiaran KLCC, 50088 Kuala Lumpur.

Tel : 03 26145432 / 5498 / 5567 | Fax : 03 26145448 | Pegawai : Siti Masitah Ab Rani

4. Dokumen Tender yang telah dilengkapi dan ditandatangani hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan bertanda dengan jelas di penjurua atas sebelah kiri "Nombor Tender" dan "Tajuk Tender" tanpa apa-apa pengenalan diluarnya. Sampul surat tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Kotak Tender yang telah ditetapkan mengikut jadual di atas tidak lewat daripada jam 12.00 tengahari di alamat seperti di atas.
5. Pihak PAAB tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran tender yang paling rendah atau sebarang tawaran atau mengemukakan sebab-sebab tawaran tersebut ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan tender ini.